



# Geran Penyelidikan Sepadan UPSI: Garis Panduan dan Tatacara Permohonan






# Objektif

Meningkatkan kerjasama penyelidikan di antara UPSI dengan Universiti Penyelidikan/ Universiti Awam/ Universiti Swasta/ Industri/ Agensi dalam dan luar negara supaya dapat menjadi pemangkin kepada penjanaan idea baru dan penciptaan yang inovatif..

# Kategori



## Kategori 1 (Nasional)

UPSI + minimum 2 buah  
RU/ UA/ US/ Industri/  
Agensi



## Kategori 2 (Antarabangsa)

UPSI + minimum 1 universiti/  
agensi/ industri **luar negara**  
\*Keutamaan kepada universiti/  
agensi/ industri yang tersohor



## Kategori 3 (Nasional)

UPSI + minimum 1 industri **tempatan**  
\*Rakan industri mesti menyumbang  
minimum dana RM10,000

# Syarat Permohonan

## Ketua Penyelidik

- Kakitangan **Akademik UPSI bertaraf tetap dan kontrak**. Tempoh perkhidmatan ketua penyelidik mesti **berbaki sekurang-kurangnya satu (1) tahun** dari tarikh mula penyelidikan.
- Kakitangan akademik yang akan atau sedang cuti belajar/ sabbatical/ pasca kedoktoran/ sangkutan **tidak layak memohon**.

## Penyelidik Bersama

- Penyelidik bersama hendaklah terdiri daripada sekurang-kurangnya seorang **kakitangan akademik UPSI bertaraf tetap dalam bidang kepakaran yang sama**.
- Bilangan penyelidik bersama **minima lima (5) orang dan maksima sepuluh (10)** orang tidak termasuk ketua penyelidik.

## Dana Kewangan

- Setiap rakan kerjasama mesti menyumbang dana dalam **bentuk kewangan yang hampir sama jumlahnya** dengan yang dipohon oleh penyelidik UPSI untuk projek berkenaan.
- Dana daripada rakan kerjasama tidak perlu disalurkan kepada UPSI tetapi **bukti agihan dana kepada akaun penyelidik rakan kerjasama** perlu disertakan setelah projek diluluskan.
- Dana daripada rakan kerjasama **dibenarkan untuk dipindahkan keluar atau masuk ke akaun UPSI**.
- Nilai sumbangan kewangan dari setiap rakan kerjasama mesti jelas **dinyatakan dalam dokumen perjanjian (MOA)**.

## Projek

- **Pilih salah satu (1)** daripada tiga (3) kategori GPS yang ditawarkan sahaja.
- Perlu mematuhi etika penyelidikan

## Rakan Kerjasama

- Setiap kumpulan penyelidik dari rakan kerjasama perlu **menjalankan projek dalam skop penyelidikan yang sama dengan penyelidik UPSI** di universiti/ industri/ agensi masing-masing.

# Skop Penyelidikan



## Pelaksanaan Dasar Pendidikan Semasa

Pelaksanaan dasar pendidikan semasa seperti pendidikan merentas aliran, STEM, STREAM, pentaksiran berasaskan sekolah, pentaksiran tanpa pengujian, pendidikan inklusif dan pelaksanaan dasar pendidikan semasa yang lain.

## Pengajaran & Pembelajaran

Pedagogi yang kreatif dan inovatif melalui pendekatan/ kaedah seperti gamifikasi, pembelajaran berasaskan cabaran, PAK 21, kepintaran buatan (artificial intelligence), realiti terimbuh (augmented reality), sains data (data science), pendekatan Pendidikan 4.0 dan pendekatan/ kaedah lain

## Pentaksiran Alternatif

Pentaksiran selain daripada pengujian pensil dan kertas seperti pentaksiran prestasi, pentaksiran waktu nyata (real time), pentaksiran autentik, pentaksiran pemprofilan (profiling), pentaksiran diperibadikan (personalized assessment), pentaksiran bersepadu, pentaksiran atas talian (online), pentaksiran rakan sebaya dan pentaksiran alternatif lain.

## Profesionalisme Guru

Perkembangan profesionalisme berterusan, kesejahteraan psikologi dan mental guru, kepimpinan instruksi, etika keguruan, pementoran dan profesionalisme guru yang lain.

## Kemenjadian Murid

Kemenjadian akademik, kemenjadian sahsiah dan kemenjadian ko-kurikulum.

## Skop Lain

Skop-skop penyelidikan lain yang berpotensi menghasilkan outcome berimpak kepada sama ada kerajaan, komuniti, industri, akademia atau alam sekitar.



# Proposal Yang Tidak Digalakkan

- Kajian yang boleh **mendedahkan rahsia** atau **menjejaskan imej UPSI dan kerajaan**.
- Kajian yang **menyentuh sensitiviti** sesetengah pihak dan **menimbulkan provokasi**.
- Kajian yang **tidak relevan** dengan trend atau keperluan terkini.
- Kajian yang **tiada hubungkait** dengan kajian yang dicadangkan oleh pihak kolaborator.
- Kajian yang **objektifnya bersifat sequential**.



## Tempoh Penyelidikan

Maksimum tiga puluh **(30) bulan**



## Siling Peruntukan

- Peruntukan yang dipohon hendaklah wajar bersesuaian dengan keperluan dan keberhasilan sesuatu proposal penyelidikan.
- **Sains sosial: RM5k (min), RM10k (maks).**
- **Sains dan teknologi: RM20k (min), RM25k (maks).**
- Walau bagaimanapun, **siling peruntukan masih boleh melebihi peruntukan yang ditetapkan** dengan justifikasi yang kukuh dan bergantung kepada kecukupan dana serta **kelulusan LPU.**



# Hasil Penyelidikan

Semua hasil penyelidikan seperti yang telah dipersetujui dalam Akujanji Penyelidikan dan dokumen perjanjian (MoA) perlu dicapai.

## Kategori 1 & 2

Setiap projek penyelidikan yang diketuai UPSI dan setiap rakan kerjasama hendaklah menghasilkan **satu (1) artikel jurnal berindeks Scopus (accepted)** bagi projek **setiap projek masing-masing**. Perlu **cite 5 artikel penyelidik UPSI yang diterbitkan dalam jurnal UPSI**.

## Kategori 2

Setiap projek penyelidikan perlu menghasilkan penerbitan bersama (**joint publication**) dengan penulis antarabangsa. Afiliasi institusi penulis bersama antarabangsa perlu dinyatakan dengan jelas dalam artikel yang diterbitkan.

## Kategori 3

Setiap projek penyelidikan perlu menghasilkan satu (1) harta intelek (**pilih salah satu (1)** daripada senarai di bawah):

- (a) Paten
- (b) Trademark
- (c) Industrial Design
- (d) Geographical Indication
- (e) Copyright
- (f) Layout Design
- (g) Trade Secret

## Lain-lain

Lain-lain hasil penyelidikan yang dipersetujui dalam MJKPIU/ MJPIU/ LPU.



## Peraturan Kewangan

- Setiap projek penyelidikan akan diberikan peruntukan berdasarkan **kelulusan LPU**.
- Penyelidik perlu menyediakan anggaran kos kajian dalam **cadangan kewangan mengikut keperluan penyelidikan**.
- Penyelidik perlu menggunakan peruntukan yang telah diberikan untuk hal-hal yang berkaitan dengan projek penyelidikan sahaja.
- **Garis Panduan Kewangan bagi Geran Penyelidikan Universiti (GPU) adalah terpakai bagi GPS ini.**

## Penilaian

- Proposal penyelidikan perlu melalui proses **penilaian di peringkat fakulti** sebelum dikemukakan kepada Pusat Pengurusan Penyelidikan dan Inovasi (RMIC) untuk penyelarasan.
- Setiap proposal perlu **dinilai sekurang-kurangnya oleh dua (2) orang panel penilai di peringkat fakulti**.
- GPS ini tertakluk kepada **kelulusan Mesyuarat Lembaga Pengarah Universiti (LPU)**.

## Pemantauan

## Laporan Kemajuan

- Ketua penyelidik perlu menghantar **Laporan Kemajuan (LK) setiap enam (6) bulan** seperti yang ditetapkan.

## Laporan Akhir

- Ketua Penyelidik perlu mengemukakan laporan akhir dengan **mengisi Borang Laporan Akhir Penyelidikan dalam tempoh tiga (3) bulan dari tarikh tamat penyelidikan.**
- Laporan akhir perlu dihantar mengikut format yang ditetapkan dalam bentuk salinan lembut (softcopy) format PDF.
- **Bukti artikel jurnal yang telah diterima (accepted) perlu disertakan.**
- Penyelidik perlu menghantar **video pendek hasil penyelidikan** berdurasi 3-5 minit.
- Penyelidik perlu menyediakan **penulisan ringkas berkaitan penyelidikan** yang dijalankan bagi disebar luas di dalam **akhbar/majalah.**



# Kaedah Permohonan

Kaedah permohonan bergantung kepada dua (2) situasi berikut:

1. UPSI induk permohonan
2. UPSI bukan induk permohonan




# UPSI Induk

- UPSI sebagai induk bermaksud idea projek GPS dimulakan (*initiate*) oleh penyelidik UPSI.
- Draf MoA disediakan oleh UPSI.

NO.	PROSEDUR	TINDAKAN	DOKUMEN BERKAITAN
1	Menyediakan proposal dan menghantar borang permohonan ke RMIC	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Ketua Penyelidik UPSI</li> </ul>	Borang Permohonan GPS
2	Membentangkan proposal dan justifikasi pelaksanaan MoA	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Wakil RMIC</li> <li>• Wakil PTj (TDPI/4P)</li> <li>• Ketua Penyelidik UPSI</li> <li>• Ketua Penyelidik Rakan Kolaborasi</li> </ul>	Proposal Justifikasi Pelaksanaan MoA Borang Ulasan Pembentangan
3	Menyediakan draf dan menyemak MoA	<ul style="list-style-type: none"> <li>• PTj</li> <li>• RMIC</li> <li>• PUU</li> <li>• Jabatan Strategik</li> </ul>	Carta Alir Proses Kelulusan MoA GPS
4	Menandatangani dan mematikan setem MoA ( <i>Signing and Stamping</i> )	<ul style="list-style-type: none"> <li>• RMIC</li> <li>• Pejabat Naib Canselor</li> </ul>	MoA
5	Mengadakan Majlis Menandatangani MoA (Jika Perlu)	<ul style="list-style-type: none"> <li>• PTj yang berkaitan</li> </ul>	MoA
6	Mengeluarkan Surat Tawaran dan Surat Kelulusan Projek	<ul style="list-style-type: none"> <li>• RMIC</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Surat Tawaran</li> <li>• Surat Kelulusan</li> </ul>

# Carta Alir Proses Kelulusan MoA GPS (UPSI Induk)



# UPSI Bukan Induk

- UPSI bukan induk bermaksud idea projek GPS dimulakan (*initiate*) oleh penyelidik universiti/ agensi/ industri lain.
- Draf MoA tidak disediakan oleh UPSI.

NO.	PROSEDUR	TINDAKAN	DOKUMEN BERKAITAN
1	Menyediakan proposal dan mengisi borang permohonan	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Ketua Penyelidik</li> <li>• Rakan Kolaborasi</li> </ul>	Borang permohonan GPS
2	Membentangkan proposal dan justifikasi pelaksanaan MoA	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Wakil RMIC</li> <li>• Wakil PTj (TDPI/4P)</li> <li>• Ketua Penyelidik UPSI</li> <li>• Ketua Penyelidik Rakan Kolaborasi</li> </ul>	Proposal Justifikasi Pelaksanaan MoA Borang Ulasan Pembentangan
3	Mendapatkan draf MoA daripada Induk (Rakan Kolaborasi)	<ul style="list-style-type: none"> <li>• RMIC</li> <li>• PUU</li> </ul>	Draf MoA
4	Menandatangani dan mematikan setem MoA ( <i>Signing and Stamping</i> )	<ul style="list-style-type: none"> <li>• RMIC</li> <li>• Pejabat Naib Canselor</li> </ul>	MoA
5	Mengadakan Majlis Menandatangani MoA (jika perlu)	<ul style="list-style-type: none"> <li>• PTj yang berkaitan</li> </ul>	MoA
6	Mengeluarkan Surat Tawaran dan Surat Kelulusan Projek	<ul style="list-style-type: none"> <li>• RMIC</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Surat Tawaran</li> <li>• Surat Kelulusan</li> </ul>

# Tempoh Permohonan

Tempoh permohonan dibuka sepanjang tahun tertakluk kepada kecukupan dana universiti.



## Tanggungjawab RMIC

- Pusat Pengurusan Penyelidikan dan Inovasi (RMIC), UPSI berfungsi sebagai badan yang menyelaras dan mengawal selia perjalanan penyelidikan dari segi dasar dan pengurusan kewangan.
- Pihak RMIC berhak menolak sebarang proposal yang berunsurkan pengubahsuaian, plagiat dan pengulangan. Setiap proposal yang dihantar akan disemak Indeks Persamaan (Similarity Index) menggunakan perisian Turnitin sekiranya perlu.





# Terima kasih

Hubungi:

Unit Pengurusan Penyelidikan

Pusat Pengurusan Penyelidikan dan Inovasi

[pemantauan.ppp@upsi.edu.my](mailto:pemantauan.ppp@upsi.edu.my)

05-450 7204 / 05-450 7258

